

Pembinaan Identiti Diri Bangsa Melayu : Dari Perspektif Pendidikan Psiko-sosial

Nik Rosila bt. Nik Yaacob, PhD
Pusat Pengajian Ilmu Pendidikan
Universiti Sains Malaysia
Pulau Pinang

Abstrak

Modal insan adalah aset tidak ternilai ini perlu dikembangkan dan digilap potensinya serta dipandu ke arah kecemerlangan sama ada dari segi individu mahupun secara kolektif. Pembangunan insan yang bersifat menyeluruh adalah bagi melahirkan individu yang mempunyai minda kelas pertama dan bersifat "keinsanan". Isu gejala sosial anak Melayu yang banyak dipapar di dada akhbar amat menggerunkan. Keadaan ini memerlukan tindakan segera semua ahli masyarakat. Pembinaan generasi hadapan bermula daripada generasi kini. Kita tidak mahu sehingga "kudis menjadi nanah" barulah tindakan diambil dalam membantu anak-anak Melayu. Agenda modal insan berkait rapat dengan identiti diri bangsa Melayu itu sendiri. Konsep identiti diri Melayu perlu dilihat daripada sejarah tamadun Melayu sendiri yang telah berlangsung berabad lamanya. Sehubungan dengan itu, kertas ini akan menganalisis teras-teras pembinaan identiti diri bangsa Melayu berdasar tunjuk ajar bahasa Melayu sama ada yang bersifat ungkapan, pepatah, pantun, peribahasa mahupun nasihat. Walaupun arus perkembangan sains dan teknologi semakin meluas, masyarakat tidak seharusnya mengetepikan kesusasteraan Melayu tradisional yang amat kaya dengan unsur-unsur pendidikan. Kertas ini juga akan meninjau pendekatan pendidikan yang diamalkan oleh ibu bapa Melayu tradisional.

1.0 Pengenalan

Identiti sesebuah bangsa terhasil daripada gabungan konsep sendiri individu-individu yang menjadi ahli dalam sesebuah masyarakat. Bangsa yang mempunyai identiti serta jati diri yang kukuh dikatakan sukar menerima pengaruh luar yang bertentangan dengan adab budaya bangsa itu. Bahasa Melayu yang menjadi bahasa utama masyarakat Melayu digunakan sejak dahulu dalam membentuk identiti bangsa. Pendidikan melalui bahasa Melayu diajar secara tidak langsung kepada anak-anak dalam membentuk identiti diri mereka. Pendidikan bukan formal melalui peribahasa, pantun, gurindam dan syair ini sangat indah didengar dan diucapkan bagi memberi nasihat dan teguran kepada

anak-anak. Namun keadaan ini didapati semakin ditinggalkan masyarakat kini. Dikejar arus kemodenan, penggunaan ungkapan-ungkapan ini turut terpinggir dalam kalangan generasi kini. Keadaan ini memerlukan campur tangan segera semua ahli masyarakat. Anak-anak perlu dididik bukan sahaja melalui pendidikan formal tetapi juga melalui pendidikan bukan formal. Tunjuk ajar bahasa Melayu melalui ungkapan, peribahasa, pantun dan sebagainya perlu dihidupkan semula dalam melahirkan generasi akan datang yang kaya dari segi penguasaan bahasa dan mempunyai jati diri bangsa.

2.0 Pembinaan Identiti Diri Bangsa

Identiti diri bangsa merupakan kepercayaan, sikap dan pendapat yang tersusun dan dinamik yang dipegang oleh sesebuah bangsa. Individu yang mempunyai identiti diri dan memahami secara langsung atau tidak terhadap siapa dirinya yang sebenar. Identiti diri terhasil daripada satu siri kepercayaan, pegangan, kefahaman yang boleh berupa pemikiran dan tindakan seseorang individu. Identiti diri bangsa adalah hasil gabungan konsep sendiri ahlinya. Menurut Rogers (1981), konsep sendiri ialah asas kepada personaliti, iaitu merujuk kepada apa yang difikirkan individu mengenai dirinya. Pembentukan konsep sendiri dipengaruhi oleh persekitaran hasil interaksi individu dengan orang lain. Hasil daripada interaksi ini, individu cenderung mempelajari nilai-nilai orang lain dan mengadaptasinya sebagai nilai diri sendiri. Nilai-nilai baru yang dipelajari ini seterusnya membentuk jati diri individu dan jika diterima secara meluas oleh sesebuah bangsa akan menjadi jati diri bangsa. Walaupun konsep sendiri tidak dapat dilihat dengan jelas, tetapi apabila sudah terbentuk konsep sendiri ini sukar diubah. Menurut pakar-pakar psikologi, individu cenderung memelihara konsep kendirinya supaya tidak berubah, sehubungan itu konsep sendiri adalah stabil sepanjang hidup (Ainon & Abdullah, 2002). Konsep sendiri seseorang individu turut mempengaruhi tingkah laku dan cara penyesuaian dirinya dengan pengalaman hidup dan masalah yang dihadapi (Rohany, 2006). Dalam keadaan demikian, konsep sendiri dilihat penting dalam membentuk identiti diri sesebuah masyarakat. Konsep sendiri juga merupakan perkara penting dalam

meramal masa depan atau tindakan yang bakal diambil oleh seseorang individu (Shahabudin, Mahan & Ramlah, 2004).

Konsep sendiri secara umum dipengaruhi oleh faktor-faktor baka, didikan ibu bapa, pengaruh rakan sebaya, status sosioekonomi, pendidikan, budaya dan persekitaran (Shahabudin, Mahan & Ramlah, 2004). Dalam melahirkan generasi bangsa Melayu yang kukuh jati dirinya maka kami berpendapat konsep sendiri seseorang individu memainkan peranan utama. Kepercayaan positif tentang diri dipercayai dapat membentuk konsep sendiri positif. Kata-kata positif serta membina yang diucapkan dapat meningkatkan konsep sendiri anak-anak. Dalam Islam, Nabi Muhammad S.A.W juga tidak mengizinkan umatnya memanggil orang lain dengan panggilan atau label negatif. Kata-kata positif boleh disampaikan melalui tunjuk ajar bahasa Melayu sama ada yang bersifat ungkapan, pepatah, pantun, peribahasa mahupun nasihat. Orang-orang Arab juga menganggap syair sebagai suatu bentuk pembicaraan yang dipandang mulia. Dengan demikian mereka menjadikannya sebagai perbendaharaan, *diwan* ilmu dan sejarah mereka, bukti di mana mereka anggap benar atau salah dan prinsip-prinsip dasar rujukan bagi sebahagian besar ilmu dan kebijaksanaan mereka (Ibn. Khaldun, 1993). Keadaan ini menunjukkan bahawa bangsa Arab turut menggunakan syair sebagai pengantara dalam meningkatkan identiti diri bangsa mereka.

Peranan penting persekitaran dalam pembentukan identiti diri seseorang individu tidak boleh diabaikan. Peranan ini dimainkan terutamanya oleh individu signifikan seperti ibu bapa, ahli keluarga dan guru. Didikan dan pendekatan yang berhemah mengikut teras agama dan budaya Melayu dapat membentuk identiti diri sesebuah bangsa. Di samping itu, identiti diri sesebuah bangsa yang kuat dapat dilihat dari sudut komunikasi bahasa. Contohnya rakyat negara Jepun dilihat mempunyai identiti diri yang kuat kerana berjaya memartabatkan bahasanya. Selain itu, identiti diri bangsa juga bergantung kepada faktor sosioekonomi. Ekonomi yang mantap dan stabil bagi sesebuah bangsa berupaya meningkatkan jati diri ahli masyarakatnya. Dengan demikian,

bagi melahirkan bangsa Melayu yang kuat, maka sosioekonomi bangsa Melayu juga perlu ditingkatkan.

3.0 Memperkasa identiti Diri Bangsa Melalui Pendidikan

Sejak kedatangan Islam ke Kepulauan Melayu seawal abad ke 13 atau 14 Masihi, orang Melayu menerima Islam sebagai cara hidup. Walaupun terdapat beberapa ritual asing seperti adat Hindu yang masih melingkari kehidupan harian, adat-adat ini telah dimodifikasikan selaras dengan konsep Islam sebagai ad-Din. Pengaruh Islam telah merombak aspek-aspek penting dalam kehidupan orang Melayu terutama berkaitan dengan pandangan hidup mereka. Konsep penyamarataan antara sesama manusia, kepentingan ilmu pengetahuan dan konsep kepercayaan kepada Tuhan yang Satu adalah antara pembaharuan penting yang dibawa oleh Islam. Keadaan ini sekali gus telah mengubah pemikiran bangsa Melayu di kepulauan ini. Penekanan Islam kepada ilmu pengetahuan telah memberi impak besar kepada orang Melayu. Penelitian dalam kesusasteraan Melayu lama seperti Sejarah Melayu, hikayat-hikayat Melayu dan sebagainya, menunjukkan kegiatan keilmuan banyak berlaku di istana-istana pemerintah. Pada ketika itu, sasaran penerima ilmu kebanyakan dalam kalangan anak-anak bangsawan. Manakala bagi orang awam penerimaan mereka terhadap ilmu adalah amat terhad. Walau bagaimanapun budaya menuntut ilmu, terutama ilmu agama tetap meriah dalam kalangan masyarakat Melayu. Ini disebut oleh H. Mahmud (1970) bahawa ilmu Agama bukan sahaja diajar di madrasah, masjid atau rumah malahan di tepi perigi. Keadaan ini menunjukkan maklumat atau ilmu disalurkan di mana sahaja terdapatnya perkumpulan manusia. Perlu difahami juga perigi pada zaman dahulu merupakan pusat kegiatan keluarga dan masyarakat, dipunyai oleh masyarakat setempat dan tidak dimiliki hanya oleh individu tertentu.

Sebelum wujudnya sekolah, proses mendidik anak-anak lebih bercorak bukan formal yang berlaku di rumah. Ibu bapa dilihat sebagai guru dan agen pendidik pertama dan utama. Oleh itu, ibu bapa dan orang yang lebih tua

sentiasa diingatkan agar bersabar menangani karenah anak dan sentiasa menunjukkan akhlak yang baik di hadapan anak-anak mereka. Sekiranya anak berperangai buruk, masyarakat akan mengatakan ibu bapa yang kurang memberi ajaran dan didikan.

Penekanan utama dalam pendidikan secara bukan formal ini ialah mengenai pembinaan jati diri anak-anak. Pendidikan disalurkan melalui asuhan budi pekerti yang baik, adab yang terpuji serta ajaran agama yang benar. Hampir dalam setiap bentuk sastera lisan mahupun sastera bertulis terdapat tunjuk ajar atau petua amanah tentang mengasuh anak-anak. Sebagai contoh, bagi anak-anak berusia dalam lingkungan 4 hingga 6 tahun, pendekatan pendidikan yang diamalkan oleh orang-orang tua Melayu ialah melalui pendekatan memberi contoh dan teladan. Anak-anak dalam lingkungan usia ini mempunyai hati yang lembut dan bersih serta suka memerhati dan mencontohi tingkah laku orang-orang di sekeliling mereka.

Orang-orang tua Melayu berpandangan bahawa cara paksaan dan tunjuk ajar yang kasar amatlah tidak sesuai dalam mendidik anak-anak. Begitu juga dengan penggunaan bahasa kasar dan kekerasan fizikal. Sebaliknya, mereka memberi penekanan kepada nasihat dan tunjuk ajar yang berhemah. Kaedah ini adalah yang paling sesuai dan perlu sentiasa diterapkan dalam proses mendidik anak-anak. Kaedah ini juga diakui Ibn Khaldun (1993). Menurut beliau dalam proses mendidik, sikap seorang ayah mahupun guru hendaklah tidak secara kasar atau dengan paksaan. Manakala apabila anak-anak telah mencapai usia baligh, pendekatan pendidikan yang merupakan gabungan antara nasihat dan tunjuk ajar dengan paksaan pula digunakan. Keadaan ini diakui oleh Abdullah Munsyi (1970),. Menurut beliau seandainya dia tidak dipaksa oleh bapanya untuk belajar sudah pasti dia tidak menjadi seorang ilmuwan.

4.0 Teras-Teras Pembinaan Identiti Diri Melayu

Mengikut Kamus Dewan (2005), Jati bermakna asli, tulen, yang sebenar, tidak bercampur atau merujuk kepada identiti. Jati diri pula bermaksud identiti diri atau keperibadian diri yang sebenar atau yang asli. Mengikut pandangan orang-orang tua, dalam mentafsir pepatah-pepatah atau ungkapan-ungkapan Melayu, pentafsiran tidak boleh dilakukan secara harfiah atau secara terjemahan. Pentafsiran sebaliknya hendaklah dapat mengungkap makna yang tersirat. Makna yang tersirat itulah yang sebenarnya menjadi inti pati tunjuk ajar tersebut. Oleh sebab itu, maksud sesuatu ungkapan itu dapat dikembangkan seluas mungkin melalui perbahasan dan perbincangan tanpa mengubah makna hakikinya.

Penggunaan untai pantun, syair dan seumpamanya menunjukkan kehalusan bahasa dan ketinggian budi pekerti. Penggunaan ini juga menggambarkan masyarakat Melayu tradisional amat teliti dan kreatif dalam penggunaan bahasa Melayu. Tunjuk ajar atau nasihat dalam bentuk pantun, syair, gurindam dan seumpamanya ini menunjukkan kasih sayang orang-orang tua terhadap anak-anak dan kaum kerabat mereka. Tunjuk ajar atau nasihat disampaikan secara terus kepada sasaran dengan penuh kesopanan. Teknik menegur ahli keluarga yang berhemah ini akan menjadikan mereka orang yang disanjung dan dihormati (Rahmat & Fadzilah, 1998). Teras-teras pembinaan identiti diri Melayu dalam kertas ini akan merujuk kepada buku Tunjuk Ajar Melayu (Butir-butir Budaya Melayu Riau) yang merupakan satu kompilasi ungkapan, pantun, gurindam, petunjuk, petua dan nasihat orang-orang tua. Terdapat empat teras pembinaan identiti diri yang dibincangkan iaitu:

a. Teras Ketakwaan Kepada Tuhan Yang Esa

Orang Melayu sinonim dengan Agama Islam. Seluruh nilai dan norma masyarakat Melayu adalah merujuk kepada ajaran Islam, sehingga ada yang mengatakan bahawa apabila seseorang itu menganut Agama Islam dia dikatakan 'masuk Melayu' dan begitulah sebaliknya. Za'aba (1992) menyatakan bahawa bangsa Melayu akan musnah jika mereka terus mengikut aliran Barat

yang disifatkan sebagai tidak mempunyai hala tuju. Penyebatian kehidupan orang Melayu dengan Islam dapat diperhatikan daripada tunjuk ajar Melayu yang banyak mengandungi nilai-nilai ketakwaan kepada Allah, seperti yang terungkap dalam tunjuk ajar berikut:

*apalah tanda Melayu jati,
tahu asal kejadian diri*

*tahu hidup akan mati
tahu akhirat tempat berhenti*

*tahu Islam penyelamat alam
tahu kaji sempurna budi*

*apa tanda Melayu senonoh
membela Islam tahan dibunuh
ingat hidup sebagai hamba
jauh sifat besar kepala
banyak sujud menyembah Allah
dalam berkata merendah-rendah
dalam bergaul suka mengalah
kalau keliru mengaku salah*

Tunjuk ajar ini jelas memberi nasihat kepada kita dari segi ketakwaan kepada Yang Maha Esa. Ungkapan yang disampaikan ini dijadikan pedoman dalam membentuk jati diri bangsa Melayu yang rata-rata umatnya beragama Islam. Keindahan bahasa dijadikan perantara menyampaikan ilmu, mempengaruhi anak-anak kepada cara hidup yang diredai Allah s.w.t. Dalam menyampaikan dakwah ini, Al-Iman Al-Ghazali turut memberi nasihat kepada anak muridnya dengan menyelitkan syair dan perumpamaan (Nor Salimah, 2002).

b. Teras Akhlak

Teras akhlak merupakan asas kepada segala amalan dan perlakuan yang baik serta terpuji. Akhlak juga berkait rapat dengan konsep ilmu dan adab. Konsep ini mengikut Prof. Naquib al-Attas (1995) ialah meletakkan sesuatu pada tempatnya. Jika diteliti perbahasan tentang konsep bertanam budi dan membalas budi, konsep tanggung jawab, konsep kasih sayang, konsep

keberanian, konsep hemat dan cermat, konsep amanah, konsep keadilan dan kebenaran, konsep rendah hati, konsep berprasangka baik dan konsep malu seperti yang terdapat dalam tunjuk ajar Melayu, ternyata kupasannya adalah selari dengan konsep adab seperti mana yang diutarakan oleh al-Attas. Sebagai contoh, seseorang perlu malu untuk melakukan kejahatan. Walau bagaimanapun, orang Melayu tidak perlu malu dalam kerja-kerja kebaikan seperti malu menuntut ilmu, malu dalam menegakkan kebenaran dan keadilan, malu mengakui kesalahan, malu bertanggungjawab, malu melakukan pekerjaan halal dan seumpamanya. Malu pada tempatnya tidak akan menjadikan masyarakat dan bangsa Melayu terpinggir, malah dapat mengukuhkan jati diri bangsa, meletakkannya pada satu tempat teratas, dihormati dan disegani bangsa lain.

Konsep akhlak ini juga berkait rapat dengan kebersihan jiwa. Al-Ghazali dalam karangannya *Ihya' Ulumuddin* menjelaskan bahawa seseorang yang bertingkah laku menyimpang dan buruk akhlaknya digambarkan sebagai "abnormal" dan begitulah sebaliknya (1998). Ibu bapa cemerlang mestilah mempunyai akhlak yang mulia untuk membimbing anak-anak supaya anak-anak juga akan berakhlak mulia (Rahmat & Mohd Fadzilah, 1998). Keluarga yang pincang seterusnya akan melahirkan masyarakat dan bangsa yang pincang juga. Jati diri seseorang individu lahir daripada keluarga yang harmoni, namun jika keadaan ini berkekalan maka rosaklah jati diri bangsa. Anak-anak mangsa dera seksual bukannya sahaja mengalami trauma yang teruk serta berpanjangan namun mereka juga telah runtuh harga diri. Kehilangan harga diri menyebabkan individu melihat dirinya secara negatif (Beck, 1976). Keadaan ini seterusnya membentuk konsep sendiri negatif dan akan mempengaruhi jati diri seseorang individu dalam sesebuah bangsa. Pepatah Melayu pernah menyebut: "bapa borek anak rintik". Kita tidak mahu menjadi seperti "ketam yang mengajar anaknya berjalan betul".

Tunjuk Ajar Melayu juga menekankan akhlak anak kepada ibu bapa. Ketaatan kepada ibu bapa menjadi agenda penting selepas ketakwaan terhadap

Allah SWT. Ungkapan ini jelas menunjukkan tunjuk ajar Melayu terhadap akhlak anak-anak:

*Apa tanda Melayu jati
Kepada ibu bapa ia berbakti*

*Apa tanda Melayu menakah
Memelihara ibu bapa tak kenal lelah*

*Bertanak nasi dalam periuk
Nasi putih rasanya sedap
Anak berbudi perangainya elok
Ke ayah bondanya ia beradab*

Dalam ungkapan ini anak-anak diminta untuk mentaati kedua ibu bapa. Bakti yang diberikan anak-anak tanpa kenal penat lelah dan diminta balasan. Nasihat dan teguran kepada anak-anak dilihat begitu berhemah dan mempunyai maksud mendalam. Jika pendidikan kini memberi penekanan kepada subjek Moral dalam mendidik mereka menghormati orang tua, tunjuk ajar Melayu menggunakan ungkapan bersopan untuk menyampaikan mesej yang sama. Jati diri remaja dapat menggambarkan jati diri bangsa. Remaja Melayu kini yang mudah terpengaruh dengan gejala sosial akan mencerminkan jati diri bangsa. Merekalah yang akan mencorakkan masa depan bangsa. Malah dikatakan bahawa nasib sesuatu bangsa pada masa depan bergantung pada corak dan rupa peribadi golongan remaja atau muda mudinya masa kini (Nor Salimah, 2004). Golongan inilah yang sepatutnya menjadi tonggak negara pada masa akan datang.

Statistik di Jabatan kebajikan Masyarakat yang menunjukkan tangga teratas bagi kes penderaan seksual kanak-kanak Melayu (Nor Shafrin, 2006) menjadi bukti jati diri bangsa kian tercalar. Begitu juga bagi statistik penagihan dadah sepanjang tahun 2003 hingga 2005 yang menunjukkan peratus tertinggi bagi bangsa Melayu (Agensi Antidadah Kebangsaan, Kementerian Dalam Negeri, 2006). Keadaan ini diburukkan dengan statistik salah laku rasuah yang turut menunjukkan bangsa Melayu mendominasi peratus tertinggi sepanjang

tahun 2001 hingga 2005 (Badan Pencegah Rasuah, 2005). Keadaan ini perlu tindakan sewajarnya agar jati diri bangsa Melayu terus dapat dipelihara.

c. Teras Ilmu Pengetahuan

Ilmu pengetahuan adalah kunci kepada segala kejayaan. Kecintaan terhadap ilmu perlu dicari dan dipupuk sejak di awal pertumbuhan kanak-kanak. Tunjuk ajar Melayu mengamanahkan agar ilmu yang dituntut itu berfaedah dan sesuai mengikut ajaran Islam. Ilmu inilah mengikut pandangan orang-orang tua Melayu dapat menyelamatkan hidup di dunia dan sejahtera di akhirat. Mereka juga menegaskan bahawa ilmu pengetahuan harus bermanfaat bukan sahaja untuk kepentingan peribadi, tetapi juga kepada masyarakat, bangsa dan negara. Oleh itu, ilmu yang tidak bermanfaat, sesat dan membawa kemudaratan amatlah ditegah daripada kita mempelajarinya. Ungkapan yang selaras dengan teras ilmu pengetahuan dijelaskan seperti kata-kata ini:

*Apa tanda Melayu jati
Orang berilmu ia dekati*

*Bila ilmu bengkok dan sesat
Binasalah hidup dunia dan akhirat*

*Yang disebut ilmu sejati
Ilmu datang dari Ilahi
Tahan asak dan tahan uji
Bermanfaat hidup, berguna mati*

Ilmu yang perlu dituntut adalah ilmu yang benar dan berfaedah. Ilmu songsang seperti yang disebarkan dalam masyarakat baru-baru ini akan merosakkan akidah serta menggugat jati diri bangsa. Ungkapan ini jelas melarang kita menghampiri ilmu yang sesat, kerana ilmu ini akan membinasakan kita di dunia dan akhirat. Sebagaimana dalam petikan buku Mukadimah Ibn Khaldun berbunyi "Ilmu pengetahuan hanya datang daripada Allah s.w.t. yang Berkuasa, yang maha Bijaksana".

d. Teras Muamalah

Manusia tidak dapat lari daripada berkomunikasi dan bergantung antara sesama manusia. Orang-orang tua Melayu amat menekankan konsep berpersatuan, bergotong royong dan bertenggang rasa (bertolak ansur) sebagai inti keperibadian dan kejatian Melayu. Bertitik tolak daripada kefahaman mereka bahawa manusia adalah bersaudara dan saling berkasih sayang, orang-orang tua Melayu senantiasa menghidupkan budaya berpersatuan dan bergotong royong serta diwariskan secara turun temurun. Di samping itu, mereka juga menekankan prinsip muafakat dan musyawarah. Kedua-dua prinsip ini jika dilaksanakan secara tertib dan terbuka dapat melahirkan masyarakat yang sejahtera. Teras muamalah yang diberi penekanan oleh orang-orang tua dulu dinyatakan dalam ungkapan seperti berikut:

*Adat hidup Melayu jati
Membela saudara berani mati
Taat setia sampai ke hati
Tunjuk ajar ia ikuti
Adat lembaga ia taati
Syarak dan sunnah ia patuhi*

Teras muamalah didapati amat jarang lagi diikuti pada zaman ini. Kesibukan bekerja menyebabkan masing-masing membawa haluan sendiri. Konsep kejiranan tidak lagi dilihat sebagai penting kerana keselamatan rumah kini dijaga oleh kamera litar tertutup atau sistem pencegah kecurian. Amalan hidup bangsa Melayu yang tinggi nilainya dalam bekerjasama, tolong-menolong dan saling menghormati dipinggirkan, manakala konsep hidup bermasyarakat dan bermusyawarah semakin pudar ditelan zaman. Kehidupan masyarakat kini diganti dengan cara hidup moden yang individualistik dan materialistik. Keadaan ini sudah tentu akan menyumbang kepada kemerosotan keperibadian dan kejatian diri bangsa Melayu. Sehubungan itu, bagi melahirkan masyarakat sejahtera seperti ungkapan dalam tunjuk ajar Melayu, teras muamalah penting diamalkan dalam pembentukan identiti diri bangsa Melayu yang utuh.

5.0 Penutup

Melihat kepada teras-teras pembinaan identiti diri Melayu, kita tidak dapat menolak bahawa peranan sejarah dan latar belakang bangsa Melayu itu amat penting. Walaupun elemen-elemen pembinaan jati diri yang telah dibincangkan merupakan elemen-elemen yang biasa didengari, tetapi berapa ramai yang sedar dan berupaya menerapnya dalam kehidupan mereka pada hari ini. Kesedaran dan keupayaan menerap elemen-elemen ini pada pandangan kami, berkait rapat dengan kekuatan dalaman seseorang individu. Sekali lagi fungsi Agama menjadi sangat penting dan konsepnya sebagai satu cara hidup perlu dihayati.

Agama seharusnya dilihat sebagai penasihat dan pendidik utama dalam kehidupan manusia yang mana tanpanya manusia akan hilang arah dan tujuan. Inilah sebenarnya yang telah cuba disampaikan oleh Za'ba lebih daripada tujuh puluh tahun yang lampau. Menurut Za'ba, ketinggian, kecemerlangan dan kebahagiaan manusia hanya boleh dicapai melalui Agama. Selain itu, jati diri sesebuah bangsa juga dinilai daripada kekuatan bahasanya. Sehubungan dengan itu bahasa Melayu perlu dimartabatkan selaras dengan fungsinya sebagai bahasa kebangsaan rakyat Malaysia.

Rujukan

- Abdullah Abdul Kadir Munshi. 1970. *The Hikayat Abdullah: An Annotated Translation* by A. H Hill. Kuala Lumpur: Oxford University Press.
- Al-Ghazali, Abu Muhammad bin Muhammad. 1998. *Ihya' Ulumuddin*. Jilid 3. Beirut: Dar al-Kutub al 'Ilmiah.
- Beck. A.T. 1976. *Cognitive therapy and the emotional disorders*. New York: New American Library, Inc.
- H. Mahmud Yunus. 1970. *Sejarah Pendidikan Islam di Indonesia*. Jakarta: Penerbit Muljana.
- Ibn Khaldun. 1993. *Mukadimah Ibn Khaldun* (terjemahan). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Nik Rosila Nik Yaacob. 2006. *A Study of The Influence of Islam on Child rearing*

values and Methods in Classical Muslim Literature With Special Reference to Malay Literature. Ph.D Disertation, ISTAC, IIUM.

Nor Salimah Abu Masor. 2002. Seni Dakwah Anak Remaja: Tinjauan Terhadap Pendekatan Al-Iman Al-Ghazali. *Prosiding Seminar Kebangsaan Ke-3 Psikologi Dan Masyarakat: Gejala Sosial Dalam Masyarakat*, hlm. 302-315.

Nor Shafrin Ahmad. 2006. Kesan Penderaan Seksual dan Gaya Daya Tindak Mangsa Penderaan Seksual. Tesis Doktor Falsafah. Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi.

Rahmat Ismail & Mohd. Fadzilah Kamsah. 1998. *Kemahiran Kekeluargaan: Menjadi Ibu Bapa Cemerlang*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.

Rohany Nasir. 2006. Burnout dan Konsep Kendiri Kerjaya di kalangan Pegawai Kebajikan Masyarakat. Dalam *Kesejahteraan Manusia: Perspektif Psikologi*, disunting oleh Rohany Nasir & Fatimah Omar. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.

Rogers, D. 1961. *Adolescence and Youth*. New Jersey: Prentice Hall.

Shahabuddin Hashim, Mahani Razali & Ramlah Jantan. 2004. *Psikologi Pendidikan*. Pahang: PTS Publications & Distributors Sdn. Bhd.

Syed Muhammad Naquib al-Attas. 1969. *Preliminary Statements on a General Theory of the Islamization of the Malay-Indonesia Archipelago*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka

Syed Muhammad Naquib al-Attas. 1995. *Prolegomena to The Metaphysics of Islam: An Exposition of The Fundamental Elements of The Worldview of Islam*. Kuala Lumpur: ISTAC

Tunas Efendy. 2004. *Tunjuk Ajar Melayu*. Yogyakarta: Balai Kajian dan Pengembangan Budaya Melayu & Adicita.

Teuku Iskandar & Baharuddin Zainal (peny.) 2005. *Kamus Dewan Edisi 4*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Wan Mohd Nor Wan Daud. 2003. *Budaya Ilmu: Satu Penjelasan*. Singapore: Pustaka Nasional PTE LTD.

Za'aba. 1992. *Mencapai Keluhuran Budi*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.